

Ucapan Menteri Pelajaran, Enche' Hussein Onn ketika meresmikan Pameran Seni Perusahaan, Sains Rumah Tangga, Sains Pertanian dan Lukisan Sekolah2 Menengah, Kuala Trengganu di-Dewan Berbagai Guna, Bukit Besar, Kuala Trengganu pada 4hb Mei, 1971, jam 11.00 pagi.

Saya di-fahamkan bahawa ini-lah kali pertamanya Pameran sechara berkumpul oleh Sekolah2 Menengah di-kawasan ini pernah di-adakan di-negeri Trengganu. Perkara2 yang di-pamerkan ia-lah pekerjaan murid2 yang meliputi beberapa aspek pelajaran ia-itu Seni Perusahaan, Sains Rumah Tangga, Sains Perdagangan, Seni Lukis dan Pekerjaan tangan.

Tujuan utama pameran ini di-adakan ia-lah untuk mendedahkan kepada ibu2bapa dan guru2 tentang pekerjaan dan pelajaran murid2 dalam perkara2 yang telah saya sebutkan terlebih awal tadi agar dapat menimbulkan minat terhadap mata2 pelajaran itu. Di-samping itu di-harap murid2 akan bersedia menerima pelajaran tersebut

terutama sekali memandangkan Kementerian ini telah mengadakan rancangan2 hendak mendirikan sa-buah sekolah vokeshenal di-Seberang Takir, Kuala Trengganu di-bawah Rancangan Malaysia Kedua dengan pinjaman wang dari Bank Dunia. Suka-lah saya mengumumkan di-sini bahawa pembenaan projek ini di-jangka akan di-mulakan pada awal bulan Ogos, 1971.

Dalam pameran ini anak2 kita ada menunjukkan usaha2 Sains Pertanian dan ini ada-lah satu perkara yang mustahak dan keutamaan patut di-beri untok di-pelajari oleh anak2 kita dan di-samping itu mereka akan dapat ilmu pengetahuan moden dalam soal pertanian. Kita tidak mahu jenerasi Malaysia yang akan datang menggunakan teknik2 menanam tanaman2 chara lama sedangkan kita hidup dalam zaman moden di-mana manusia berlumba2 ka-bulan.

Pada masa ini ada lebih kurang 300 buah sekolah di-seluruh negeri ini mengajar matapelajaran Sains Pertanian dari Tingkat I hingga ka-Tingkat III. Tujuan-nya

ia-lah untok mengajar penuntut2 kita, lelaki dan perempuan semasa mereka maseh muda lagi akan peri mustahak-nya pelajaran ini dan apabila dewasa kelak akan menambah minat mereka terhadap Sains Pertanian.

Pada hemah Kementerian ini, sikap ini ada-lah mustahak oleh kerana kita sering kali merendah2kan perkara pertanian tanpa mengetahui bahawa pertanian ia-lah tulang belakang ekonomi negeri ini. Baru2 ini satu kursus dalam perkhidmatan selama dua bulan telah di-adakan di-Maktab Pertanian Serdang untok Guru2 Sains Pertanian. Tujuan Kursus ini ia-lah untok melengkapkan guru2 yang di-pileh mengajar sukatan Sains Pertanian yang telah di-semak semula dan yang mana pada masa ini sedang di-chuba di-41 buah sekolah. Ada-lah di-harapkan bahawa sukatan pelajaran Sains Pertanian yang di-chuba ini akhir-nya nanti akan menggantikan sukatan hari ini untok di-ajar di-dalam sekolah2 kita. Saya timbulkan perkara ini oleh kerana pada penghujung kursus tersebut beberapa peserta telah di-minta memberikan pandangan dan fikiran masing2

termasok-lah masalaah2 yang mereka hadapi dan telah pun di-muatkan oleh beberapa akhbar tempatan. Suka-lah saya memberitahu guru2 kita dan orang ramai bahawa kesulitan2 yang di-timbulkan oleh guru2 itu di-sedari oleh Kementerian ini dan kita ada-lah berusaha untuk mengatasi kesulitan2 tersebut. Sementara itu saya berharap kepada guru2 yang mengajar Sains Pertanian berusaha mengajar anak2 kita sekali pun mereka menghadapi beberapa kesulitan dalam penyampaian pelajaran itu.

Saya suka juga menyentoh kepada pelajaran Sains Rumah Tangga yang mana ada-lah mustahak di-pelajari khusus-nya kepada murid2 perempuan kerana pelajaran ini meliputi semua pengetahuan yang di-kehendakki bagi penghidupan kita sehari2. Lebih2 lagi apabila mereka dewasa dan mendirikan rumah tangga dan mempunyai anak2 yang akan mereka didek, asoh dan besarkan nanti.

Selepas upacara ini tuan2 dan puan2 sekalian boleh melihat apa yang boleh di-buat oleh anak2 kita dalam masa yang singkat mengadakan pameran ini dan saya juga berharap ibu2 bapa akan mengalakkan anak2 mereka mempelajari perkara2

ini bukan untuk pengetahuan sahaja malahan pelajaran Sains ini sentiasa memberi sumber pekerjaan dan kewangan kepada mereka apabila dewasa.

Semenjak negeri kita menchapai kemerdekaan, Negeri Trengganu ini tidak ketinggalan menikmati kemajuan2 pelajaran anak2 kita, ia-itu dahulu di-negeri ini tidak ada sa-buah pun sekolah menengah kebangsaan. Hari ini telah kita bena, boleh dikatakan banyak di-mana tiap2 daerah sekurang2-nya mempunyai sa-buah sekolah menengah kebangsaan. Selain daripada itu Kerajaan, khusus-nya Kementerian Pelajaran, tidak berpuas hati setakat yang ada pada hari ini. Malahan kita akan membelanjakan lebih kurang \$1,657,000.00 mulai tahun ini untuk membena beberapa buah sekolah, kantin, pejabat2 guru besar, bilek2 guru, padang2 permainan dan lain2 kemudahan bagi pelajaran anak2 kita di-negeri Trengganu ini. *Peruntakan ini tidak termasuk perbelanjaan kerana sekolah vokeshenal di-Sekarang Takir.*


Di-antara beberapa projek yang bakal Kementerian ini bena ia-lah sa-buah sekolah menengah di-Kuala Trengganu yang berasrama penuh. Sekolah ini nanti akan mempunyai 24 bilek darjah, 9 makmal Sains, 1 makmal Sains Rumah Tangga, 1 Bengkel Seni Perusahaan, 1 Perpustakaan, Bengkel Kejuruteraan dan

lain2 keperluan.

Di-samping itu kita akan membena satu bangunan Asrama empat tingkat untok menempatkan 400 orang murid2 lelaki dan sa-buah Asrama tiga tingkat untok menempatkan 200 orang murid2 perempuan dan Asrama ini lengkap dengan Dewan Makan, dan lain2 kemudahan. Untok mengadakan sa-buah Sekolah Menengah Berasrama penuh, Kementerian ini akan mengeluarkan belanja lebeh kurang \$1,200,000.00. Dari peruntokan yang banyak itu bukan sahaja di-belanjakan di-Kuala Trengganu tetapi baki-nya di-belanjakan di-daerah2 lain saperti di-Dungun, Besut, Ulu Trengganu dan lain2 dengan tujuan untok memberi lebeh banyak lagi kemudahan kapada pelajaran anak2 kita.

Sekian sahaja-lah ucapan saya ~~pada pagi ini~~ dan saya dengan segala sukachita meresmikan pameran yang di-anjorkan oleh anak2 kita dari sekolah2 menengah kawasan Kuala Trengganu ini.

30hb April, 1971.



keperluan.

Di samping itu kita akan membina satu bangunan

empat tingkat untuk menempatkan 400 orang murid

dan es-puah Astana tiga tingkat untuk menempatkan 200

murid perempuan dan Astana ini lengkap dengan Dewan

dan lain-lain kemudahan. Untuk mengadakan es-puah Sekolah

dan Bersejarah penon, Kementerian ini akan mengeluarkan

jumlah lebih kurang RM 200,000.00. Dari peruntukan yang

itu bukan sahaja di-belanjakan di-Kuala Terengganu

bagi-bagi di-belanjakan di-bahagian lain seperti di-

Beaufort, Terengganu dan lain-lain dengan tujuan untuk

lebih banyak lagi kemudahan kepada para pelajar anak



Terengganu ini.

No Siri 31
No Penerimaan 31/80

April, 1971.